

GARIS MASA TEMPOH PERISYTIHARAN AL-MAFQUD: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA FIQH DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

SUHANA BINTI AMIRIL

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang, KUIS.

18bi01124@student.kuis.edu.my

013-2908537

MUHAMAD ISMAIL BIN ABDULLAH

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIS

muhamadismail@kuis.edu.my

012-3848800

ABSTRAK

Al-mafqud adalah satu situasi apabila seseorang itu telah diisytiharkan hilang dan gagal dikesan. Kedudukan al-mafqud dalam suatu tempoh yang panjang boleh memberikan implikasi kepada institusi perkahwinan sekiranya yang hilang itu adalah suami atau isteri. Justeru penetapan tempoh garis masa status al-mafqud dilihat sangat penting terutamanya apabila melibatkan hak-hak dalam perkahwinan serta tuntutan harta sepencarian dan harta pusaka. Jurang masa bagi pengisytiharan al-mafqud oleh mahkamah mencetuskan pengabaian kepada pasangan dan juga anak-anak dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, anggapan kematian perlu diisytiharkan oleh mahkamah dalam tempoh yang munasabah supaya status mafqud dapat diputuskan dengan segera dan muktamad. Kajian ini bertujuan membuat perbandingan penetapan tempoh garis masa al-mafqud atau anggapan kematian menurut pandangan sarjana Islam dari aspek fiqh klasik dan kontemporari serta perbandingannya dengan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Melalui metode kajian literatur dan analisis komparatif penulis dapati wujud beberapa perbezaan pada garis masa pengisytiharan al-mafqud antara fiqh dan undang-undang syariah di Malaysia.

Kata kunci: *al-mafqud, pembubaran perkahwinan, Undang-Undang Keluarga Islam*

PENGENALAN

Anggapan kematian atau status *al-mafqud* dalam perkahwinan adalah antara isu-isu syariah yang dibincangkan dalam *fiqh* munakahat. Istilah anggapan kematian ini biasanya dibincangkan apabila status seorang suami itu tidak diketahui dalam suatu tempoh masa sehingga memberi implikasi pada akad perkahwinan. Isu ini bukan sahaja termaktub dalam kitab-kitab *fiqh* klasik tetapi turut dibincangkan dalam aspek perundangan.

Al-mafqud boleh difahami apabila seseorang suami yang menghilangkan diri dari suatu negeri atau tempat serta isterinya dan tiada siapa yang dapat mengesannya untuk sekian lama dan tidak ada siapa yang tahu sama ada dia hidup atau pun mati. Oleh hal yang demikian, secara zahirnya boleh dikatakan bahawa suami yang hilang itu adalah dianggap sebagai mati. Elemen paling utama dalam mengenal pasti *al-mafqud* adalah terputusnya khabar berita mengenai seseorang yang masih di dalam perkahwinan dengan seseorang yang lain. Ini kerana, dengan ketiadaan khabar mengenai *mafqud* dalam suatu tempoh tertentu, waris serta saudara mara tidak dapat mengetahui sama ada *al-mafqud* masih hidup atau pun sudah meninggal dunia.

Istilah *al-mafqud* dan tempoh penetapan anggapan kematian ini bukan isu atau topik yang baharu, tetapi telah dibincangkan oleh para sarjana hukum dalam kitab-kitab *fiqh* klasik. Antara

parameter utama yang digunakan oleh para sarjana dalam memutuskan seseorang sebagai *mafqud* atau hilang atau dianggap mati adalah berpandukan kepada tempoh kehilangan. Penetapan status *al-mafqud* atau anggapan kematian sangat penting terutama bagi tujuan untuk membubarkan perkahwinan serta tuntutan harta pusaka dan sebagainya. Dalam perbincangan para sarjana dalam kitab-kitab *fiqh* klasik, terdapat polemik dalam perbincangan sarjana hukum berkaitan garis masa bagi menentukan status seseorang masih hidup atau telah meninggal dunia.

Dari sudut perundangan Islam di Malaysia, terdapat peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam mengenai penetapan dan perisytiharan status *al-mafqud* seseorang. Secara umumnya, pentadbiran bagi peruntukan status *al-mafqud* seseorang adalah dibawah kuasa mahkamah dalam menentukan dan mengisytiharkan *al-mafqud* berdasarkan undang-undang keluarga Islam negeri yang ada di Malaysia. Sebelum sebarang keputusan perisytiharan dilakukan, perlunya ada bukti atau keterangan yang kukuh bagi membolehkan seseorang itu dianggap sebagai *al-mafqud* atau dianggap telah mati.

DEFINISI

Al-mafqud adalah perkataan dari bahasa Arab iaitu “فقد” secara harfian bermakna “hilang” atau lenyap yang dikatakan *faqadtu asy-syai'a idza adha'tuhu* (sesuatu dikatakan hilang apabila ia tidak ada). *Al-mafqud* adalah *isim maf'ul* berasal dari kata: فقد – يفقد – فقدا - مفقودا yang bermaksud yang bererti kehilangan, ketiadaan, ketidakhadiran, ketidakberadaan, kekurangan dan kerugian (Muhammad al-Fairuzabadi, 2008). Menurut Wahbah al-Zuhayli (1985), “*Al-mafqud* (المفقود) ialah seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama hingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui juga sama ada dia masih hidup atau pun telah meninggal dunia.”

Definisi Menurut Mazhab

Al-mafqud menurut ulama Mazhab Hanafi adalah seseorang yang hilang dan tidak diketahui statusnya sama ada masih hidup atau telah mati (Al-Hummam, 1993).

Menurut pendapat Imam Malik, *al-mafqud* itu ialah apabila seorang suami ghaib, atau seseorang yang terputus khabarnya dan hilang, atau seseorang yang menjadi tawanan namun masih diketahui khabarnya, atau seseorang yang hilang samada di negara Islam ataupun negara musuh, atau seseorang yang hilang ketika wabak, atau seseorang yang hilang ketika perang samada perang antara orang kafir ataupun perang sesama orang Islam. Tidak diketahui tempatnya dan tidak pula sampai kepada isterinya khabar atau berita daripadanya, maka wajib ke atas isteri menunggu selama empat tahun, iaitu masa yang paling panjang bagi seseorang perempuan itu hamil (Mahmood Zuhdi & Raihana Azahari, 1989).

Al-mafqud menurut mazhab Syafii didefinisikan sebagai seorang suami yang keluar dari rumahnya, yang hilang dari negaranya dalam tempoh masa yang lama dan terputus khabarnya serta tidak diketahui bagaimana keadaannya sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia atau tidak didengar beritanya dengan kenderaan di laut, maka tidak ada beritanya atau datang berita bahawa dia tenggelam di mana dilihat dia tenggelam (As-Syafii, 2000). Manakala pendapat lain dalam mazhab Syafii menurut Imam Syams al-Ramli (1932) “jika ada bukti bahawa seseorang suami itu telah meninggal dunia, atau seorang hakim telah menghukumkan kematiannya setelah suatu tempoh masa, maka demikian barulah si isteri boleh memulakan

'iddahnya". Imam Nawawi pula menyatakan *mafqud* sebagai orang yang terputus khabar berita dan tidak diketahui keadaannya semasa permusafiran atau keberadaannya dalam peperangan atau pada ketika kapal karam atau selainnya (Al-Nawawi, 805H).

Manakala *al-mafqud* menurut Ibnu Qudamah (620 H) dari mazhab Imam Ahmad Bin Hanbal mempunyai dua takrifan iaitu: seseorang yang hilang tetapi diketahui khabarnya. Dan seseorang yang hilang dan terputus khabarnya serta tidak diketahui keberadaannya. Definisi lain dalam mazhab Hanbali juga berpendapat suami yang berpergian untuk berperang dianggap sebagai *mafqud* kerana terdapat dua kemungkinan berlaku semasa peperangan; sama ada ia selamat atau ia terbunuh. Imam Ahmad telah bersandarkan kepada dalil yang berkaitan dengan *mafqud* iaitu hadis mengenai Abu Amru al-Shaibani dimana telah menceritakan tentang beberapa orang lelaki yang keluar berperang menentang orang Yunani. Lalu Umar r.a telah memerintahkan para isteri mereka supaya memulakan tempoh menunggu kepulangan para suami mereka.

Berdasarkan beberapa definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *al-mafqud* membawa maksud seseorang yang hilang dari keluarganya, yang mana terputus khabarnya dan tidak diketahui keberadaannya secara pasti serta tidak diketahui statusnya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia untuk suatu tempoh yang lama.

Definisi Menurut Undang-Undang Keluarga Islam

Di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (AUKI) tidak terdapat tafsiran khusus yang diberikan bagi menjelaskan apakah maksud anggapan mati. Oleh yang demikian Akta Tafsiran 1967 memperuntukkan bahawa pentafsiran adalah penting, dan jika tidak ada tafsiran yang terdapat di dalam suatu statut, maka rujukan daripada manuskrip arab adalah bertepatan bagi mentafsirkan maksud statut tersebut. Seksyen tersebut dapat ditafsirkan dengan menggunakan kaedah atau kesediaan Akta Tafsiran 1964 dengan menggunakan peruntukan yang disediakan dalam Seksyen 2 Subseksyen 2 dan 3 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 dan Akta Tafsiran 1967 (Akta 85) untuk melihat bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah oleh Parlimen yang mana dibenarkan membuat rujukan bentuk skrip bahasa Arab.

Seksyen 2. Tafsiran

(2) *Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya masing-masing oleh Akta itu.*

(3) *Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam ungkapan Jadual itu.*

Menurut Mohd Sanusi Mahmood (1984), berpandukan peruntukan ini maka permohonan anggapan mati ini dapat ditafsirkan dengan mengambil hukum berdasarkan *athar* sahabat yang diriwayatkan oleh imam Malik:

عن عمر بن الخطاب أنه قال: أَيُّمَا امرأة فَفَدَتْ زوجها فلم تَدْرِ أين هو؟ فَإِنها تَنْتَظِرُ أَرْبَعِ سِنِينَ، ثم تَعْتَدُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ثم تَجِلُّ.

Maksudnya:

“Dari Umar r.a. berkata ia: “*Manakala seorang wanita kehilangan suaminya dan ia tidak mengetahui di mana suaminya berada, maka sesungguhnya ia menunggu suaminya selama empat tahun. Setelah itu menjalankan 'iddah selama empat bulan sepuluh hari, lalu melepaskan diri dari 'iddahnya. Kemudian halallah ia berkahwin* (Malik, 1985).”

Setelah itu Imam Malik bin Anas (1985) menambah dan berkata, maksudnya:

“*Jika perempuan itu berkahwin sesudah habis ber'iddah, sama ada suaminya yang baru itu telah bercampur dengan ia atau tidak, tiadalah jalan bagi suami yang pertama kembali kepada perempuan itu.*”

Oleh yang demikian, jika dilihat berdasarkan amalan dalam undang-undang keluarga Islam dan mahkamah syariah di Malaysia, jika seorang perempuan yang kehilangan suaminya melebihi empat tahun atau telah berjaya menunjukkan bukti bahawasanya suaminya tidak ada lagi di dunia ini, maka boleh membuat permohonan anggapan mati. Permohonan tersebut telah diisytiharkan oleh mahkamah, maka seseorang wanita itu itu bebas untuk berkahwin semula dengan sesiapa yang layak menurut syarak.

TEMPOH PENETAPAN AL-MAFQUD DARI SUDUT *FIQH*

Hukum asal orang yang hilang itu adalah “hidup” yang mana sesuai dengan kaedah *fiqh* iaitu *الأصل بقاء ما كان على ما كان* yang memberi makna, *asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya*. Seorang suami yang tidak diketahui tempatnya dan tidak pula sampai kepada isterinya khabar atau berita, kemudian isteri memohon perintah anggapan kematian daripada mahkamah, maka suami dianggap mati bermula dari tarikh yang ditentukan oleh mahkamah dalam perintah anggapan kematian.

Terdapat dua pertimbangan hukum yang dapat digunakan dalam mencari kepastian status hukum bagi orang yang hilang, sama ada orang yang hilang itu masih hidup atau sudah meninggal dunia. Pertimbangan hukum yang pertama adalah berdasarkan bukti-bukti yang dapat diterima secara syarak.

Hal ini didasarkan dengan kaedah asas dalam *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (Ahmad Muhammad Zarqa', 1938), iaitu:

لثابت بالبرهان كالثابت بالعيان

Maksudnya:

“*Perkara yang sabit adalah berdasarkan bukti keterangan seperti sabitnya berdasarkan kenyataan.*”

Oleh hal yang demikian, dalam keadaan sebagai ahli waris, jika hakim telah memutuskan bahawa seseorang yang hilang itu telah mati, maka harta orang yang hilang itu boleh dibahagi-bahagikan mengikut bahagian masing-masing. Seterusnya pertimbangan hukum kedua pula, iaitu bersandarkan kepada batas waktu lamanya kehilangan orang yang hilang itu.

Tidak terdapat nas-nas yang jelas daripada dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah berkenaan penetapan tempoh-tempoh tertentu secara tetap atau khusus bagi tempoh *mafqud* sebelum diputuskan status kematiannya. Kebanyakan pendapat yang dinukilkan dan diketahui adalah bersumberkan kepada pendapat-pendapat para sahabat dan pendapat-pendapat tersebut

bukanlah dalam bentuk kesepakatan yang boleh dinilai sebagai hujah ijmak, kerana wujud perselisihan dalam kalangan sahabat dan tabi'in. Namun keperluan kepada tempoh pencarian bagi *mafqud* adalah disepakati oleh para ulama.

Nabi Muhammad S.A.W di dalam isu ini memberikan panduan secara umum:

أَمْرًا الْمَقْفُودِ أَمْرًا حَتَّى يَأْتِيَهَا الْبَيَانُ

Maksudnya:

“Isteri orang yang hilang, masih dianggap isterinya sehingga datang bukti yang nyata (al-Baihaqi, 2003)”

Begitu juga dengan pendapat para imam mazhab atau para fuqaha. Kita dapat melihat pendapat dan perbahasan yang berbeza dalam setiap mazhab. Adapun jika terdapat persamaan, namun konsep dan aplikasinya adalah berbeza.

Mazhab Hanafi

Dalam mazhab Hanafi, orang yang hilang dihukumkan sebagai mati apabila tiada seorang pun orang sezamannya yang masih lagi hidup di tempatnya tinggalnya. Namun begitu, ulama Hanafi tidak sependapat dalam menentukan umur seseorang yang boleh disabitkan telah meninggal dunia.

Bagi Imam Abu Hanifah, beliau mensabitkan orang yang hilang itu telah meninggal dunia apabila mencapai usia 120 tahun dan pendapat ini disokong oleh al-Qadwari. Abu Yusuf mengatakan apabila berusia 100 tahun, dan terdapat sebahagian mereka yang mengatakan semua itu tertakluk kepada ijtihad hakim dengan mengambil kira keadaan orang yang hilang dan bukti-bukti yang dikemukakan (Alauddin Abi Bakri Mas'ud al-Kassani al-Hanafi, 2005).

Melalui perbahasan bagi tempoh penentuan *al-mafqud* dari sudut fiqh di atas, dapat kita perhatikan bahawa mazhab Syafii, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali mempunyai persamaan dalam konteks tempoh menunggu seorang suami sehingga boleh digelar sebagai seorang *al-mafqud* seterusnya dianggap mati dalam suatu tempoh, iaitu empat tahun tempoh untuk menunggu. Dan bagi keempat-empat mazhab fiqh ini, kita dapat ketahui bahawa imam mazhab menyatakan dalam pendapat dan perbahasan mereka, bahawa akhir sekali penetapan dan ijtihad selebihnya akan terletak pada kadi atau hakim yang akan mensabitkan kes-kes berkaitan *al-mafqud* ini mengikut pengetahuannya dalam berhadapan dengan kes-kes tersebut.

Mazhab Maliki

Dalam mazhab Maliki, seseorang yang hilang di negara Islam boleh disabitkan telah meninggal dunia apabila mencapai tempoh menunggu selama empat tahun. Selain itu, selepas tempoh ini juga, isterinya hendaklah melalui tempoh idah selama empat bulan 10 hari bagi menghormati kematian suaminya dan kemudiannya dia boleh berkahwin dengan lelaki yang lain.

Perkara ini berdasarkan *athar* yang diriwayatkan oleh Imam Malik yang bermaksud:

“Dari Umar r.a. berkata ia: “Manakala seorang wanita kehilangan suaminya dan ia tidak mengetahui di mana suaminya berada, maka sesungguhnya ia menunggu suaminya selama empat tahun. Setelah itu menjalankan 'iddah selama empat bulan sepuluh hari, lalu

melepaskan diri dari 'iddahnya. (Athar ini diriwayatkan oleh Imam Malik). Selanjutnya Imam Malik mengatakan, bahwa jika si wanita itu kahwin setelah 'iddahnya usai lalu suaminya yang baru mencampurinya, maka tiada jalan bagi suaminya yang pertama untuk kembali kepadanya."

Dalam erti kata lain berdasarkan ijtihad dari saidina Umar al-Khattab, seorang isteri harus dengan sabar menunggu dalam tempoh empat tahun kehilangan suaminya sebelum boleh memohon kepada kadi atau hakim untuk membubarkan perkahwinan dengan keyakinan bahawa suaminya yang sudah hilang itu, sudah dianggap mati.

Andai seseorang itu hilang di negara bukan Islam, maka dia tidak boleh disabitkan meninggal dunia melainkan dikemukakan bukti-bukti yang sahih atau umurnya telah mencapai satu usia yang mustahil terdapat orang yang masih hidup pada usia sedemikian. Bagi Imam Malik dan Ibn Qasim, usia tersebut adalah dalam lingkungan 80 tahun. Ibn Arafah pula berpandangan, usia 75 tahun yang dikira. Terdapat juga sebahagian ulama mazhab Maliki yang berpendapat, ia sama seperti kes orang hilang di negara Islam.

Sekiranya seseorang itu hilang di dalam peperangan bersama orang kafir, Imam Malik dan Abu Qasim berpandangan bahawa isterinya hendaklah menunggunya selama satu tahun dan kemudian menjalani 'iddah. Terdapat juga pandangan dalam mazhab Maliki yang mengatakan hukumnya adalah sama seperti kes orang hilang di negara Islam.

Pendapat mazhab Imam Malik lagi, sekiranya seseorang itu hilang dalam peperangan sesama orang Islam, maka terdapat pelbagai pendapat dalam mazhab ini, antaranya ada yang mengatakan hendaklah isterinya menunggu selama setahun kemudian menjalani 'iddah, dan juga terserah kepada ijtihad para pemerintah (Malik bin Anas, 1994).

Mazhab Syafii

Dalam Mazhab Syafii, tempoh penetapan bagi *al-mafqūd*, menurut *qaul jadid* (pandangan baru) mazhab Syafii ialah, tempoh menunggu bagi isteri agar dia boleh menikahi lelaki lain adalah sehingga ada kepastian suaminya telah meninggal dunia atau mentalak isterinya. Manakala menurut *qaul qadim* (pandangan lama) Imam Syafii, tempoh menunggu adalah 4 tahun dengan tambahan masa 'iddah 4 bulan 10 hari. Pendapat ini adalah pendapat yang dipegang oleh Umar bin Al-Khattab r.a, 'Uthman bin 'Affan r.a, Ibn 'Abbas, Ibnu 'Umar, Malik bin Anas, dan Ahmad (Ibnu Hajar al-Haitami, 1938).

Pendapat lain dalam mazhab Syafii dinyatakan bahawa batas waktu orang yang hilang adalah sembilan puluh sembilan tahun, iaitu dengan melihat umur orang-orang yang sebaya di wilayahnya. Menurut Ahmad bin Muhammad al-Zarqa' (1938), pendapat yang paling sahih menurut anggapan Imam Syafii ialah bahawa batas waktu tersebut tidak dapat ditentukan atau dipastikan. Akan tetapi, cukup dengan apa yang dianggap dan dilihat oleh hakim, kemudian hakim tersebut mensabitkan orang yang hilang itu sebagai telah mati. Hal ini demikian, menurut Imam Syafii, seorang hakim hendaklah berijtihad kemudian mensabitkan bahawa orang yang hilang itu dihukumkan sebagai orang yang hilang, seterusnya sebagai *al-mafqūd* iaitu sebagai orang yang sudah mati.

Walaupun bagaimanapun, pandangan yang sahih lagi masyhur dalam kalangan ulama Syafii ialah, terserah kepada ijtihad para hakim dalam menentukannya. Namun begitu, terdapat juga

pandangan-pandangan yang mengatakan ia ditentukan selepas 68 tahun, 70 tahun, 80 tahun, 100 tahun dan 120 tahun (Muhammad al-Khatib al-Syarbini, 1994).

Mazhab Hanbali

Bagi ulama Hanbali, terdapat dua pendapat bagi seseorang hilang yang secara zahirnya pemergian itu adalah selamat:

1. Tidak akan terputus ikatan perkahwinan selagimana tidak disabitkan kematian suaminya.
2. Isteri itu hendaklah menunggu sehingga suaminya berusia 90 tahun dan ada juga riwayat yang mengatakan tempoh itu ditentukan oleh pemerintah atau mufti. Inilah pandangan yang sah dalam mazhab Hanbali.

Bagi orang yang hilang yang secara zahirnya pemergian itu adalah membawa bahaya kepada si suami, maka isterinya hendaklah menunggu selama 4 tahun kemudian dia menjalani 'iddah bagi kematian suaminya. Bagi menentukan masa yang dapat dijadikan dasar untuk menilai *mafqud* telah meninggal dunia, ia hendaklah diserahkan pada pertimbangan hakim iaitu apabila dia hilang dalam waktu yang sekian lama sehingga sudah tidak ada lagi orang yang seusia dengannya di daerahnya yang mungkin masih lagi hidup (Muhammad Taha Abu al-'Ala Khalifah, 2009).

TEMPOH AL-MAFQUD DARI SUDUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Secara asasnya, perkara berkenaan dengan anggapan mati ini, kedua-dua mahkamah syariah dan Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mengenai anggapan mati di bawah peruntukan undang-undang keluarga Islam, keterangan dan juga pentadbiran undang-undang Islam dan Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan di dalam senarai Persekutuan serta di dalam Akta Keterangan 1950.

Dalam perkara berkaitan memutuskan atau mengisytiharkan tempoh *al-mafqud* atau orang yang hilang atau anggapan kematian, maka bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah lebih jelas daripada Mahkamah Sivil dalam perkara permohonan anggapan mati bagi orang Islam. Jika suatu pihak membuat permohonan anggapan mati ini di Mahkamah Sivil, pihak itu hendaklah melaporkan atau membuat pengesahan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah kerana itu adalah perkara di bawah undang-undang keluarga Islam. Status *al-mafqud* atau anggapan mati bagi orang Islam tidak akan diiktiraf atau akan menimbulkan pelbagai permasalahan sekiranya tidak mendapat keputusan dan pengesahan daripada Mahkamah Syariah. Hal ini juga terpakai bagi perkara yang melibatkan perwarisan dan perwalian dalam Islam.

Penetapan tempoh *al-mafqud* melalui sudut undang-undang syariah di Malaysia lazimnya adalah berdasarkan atau bersandarkan kepada hukum syarak. Umumnya semua negeri di Malaysia memperuntukkan enakmen tempoh bagi seseorang itu diisytiharkan sebagai *al-mafqud* seterusnya sebagai orang yang mati adalah sama walaupun hanya seksyen peruntukan yang berbeza-beza bagi setiap negeri.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984

Penetapan tempoh al-mafqud di Wilayah Persekutuan, ada diperuntukkan dalam **seksyen 53** Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 sebagai contoh, jelas memperuntukkan tempoh mengenai anggapan mati iaitu:

- (1) *Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 52.*
- (2) *Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu mengikut pengertian perenggan 14(4)(b).*
- (3) *Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*
- (4) *Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

Akta yang sama dibawah Seksyen 14(4)(b) menjelaskan perlunya pengeluaran sijil kematian atau mengisytiharkan kematian sebagai anggapan mati di dalamnya iaitu:

- (4) *Jika perempuan itu adalah seorang balu—*
 - (a)...
 - (b) *dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.*

Seksyen di atas sangat jelas menunjukkan bahawa perkahwinan dan pembubaran perkahwinan bagi orang-orang Islam adalah merupakan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Bagi anggapan mati, surat perakuan hendaklah dimohon oleh seseorang perempuan yang mungkin balu atau yang ditinggalkan suami dalam suatu tempoh di Mahkamah Syariah di bawah seksyen 53 Akta Undang-undang keluarga Islam.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017

Bagi Negeri Terengganu, enakmen terdahulu yang terpakai bagi hal berkaitan tempoh penentuan untuk mengisytiharkan seseorang itu berstatus sebagai *al-mafqud* adalah dibawah Seksyen 50 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985:

- (1) *Jika suami seseorang perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh tujuh tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap menurut Hukum Syara' sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar, mengeluarkan, dalam borang yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut Enakmen ini.*
- (2) *Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti seksyen 12(4)(b).*
- (3) *Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*
- (4) *Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

Dapat dilihat pada peruntukan klausa 1 seksyen di atas, menyatakan bahawa jika dalam tempoh tujuh tahun suami bagi seorang wanita itu tidak didengari khabarnya, maka wanita itu boleh memohon kepada mahkamah untuk perakuan status menganggap suami telah mati.

Manakala pada klausa 3 seksyen yang sama di atas, menyatakan bahawa seorang wanita tidak boleh dan tidak berhak untuk berkahwin semula dengan lelaki lain tanpa perakuan seperti di bawah klausa 1 walaupun mungkin pada situasi tersebut Mahkamah Tinggi Sivil telah memberikan anggapan mati terhadap status suami wanita yang hilang itu. Ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah lebih berbidangkuasa dalam anggapan kematian dan Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh mencantas keputusan mahkamah berdasarkan enakmen pentadbiran keluarga Islam Terengganu. Namun begitu, peruntukan negeri Terengganu ini dilihat tidak seragam dengan peruntukan negeri-negeri lain di Malaysia yang memperuntukkan tempoh 4 tahun dalam maksud tempoh garis masa bagi menganggap seorang suami itu boleh diisytiharkan sebagai *al-mafqūd* atau orang yang hilang atau orang yang mati.

Walaubagaimanapun, pindaan telah dibuat terhadap Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 pada tahun 2017 yang kini dikenali sebagai Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Enakmen yang telah diwartakan oleh kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Ogos ini, dibawah peruntukkan nombor seksyen 51(1)(a) termaktub:

- (a) *suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula dan perkara lain yang berhubung dengan kematian setakat yang Mahkamah berbidangkuasa, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] tidak dapat diperolehi, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah*

boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 50 atau apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan si mati;

Pindaan yang dibuat oleh pihak Dewan Undangan Negeri dan kehakiman kerajaan Negeri Terengganu ini dilihat sebagai salah satu inisiatif yang baik dalam menyelaraskan atau menyeragamkan tempoh penetapan bagi perisytiharan status seorang suami sebagai *al-mafqud* atau orang yang mati. Ini sedikit sebanyak dapat memberi kelegaan dan memudahkan rakyat untuk menuntut keadilan diri dalam soal perkahwinan. Ini sekaligus menghilangkan kekeliruan bukan sahaja dalam kalangan rakyat Terengganu atau rakyat Malaysia amnya, tetapi juga pada peringkat penuntut ilmu seperti penulis sendiri dalam memahami peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004

Di Negeri Sabah, permohonan anggapan mati bagi orang Islam perlulah dipohon di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. Suatu dokumen perintah anggapan mati akan dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah selepas permohonan dibuat oleh pemohon mengikut prosedur atau dengan bukti-bukti kukuh yang diserahkan kepada mahkamah bagi mendapatkan pengesahan dan pengisytiharan anggapan mati bagi seseorang suami yang mafqud.

Seksyen 54. Anggapan mati.

(1) Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 53.

(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti perenggan 14(4)(b).

(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walau apapun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.

(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.

Bagi maksud dibawah seksyen tersebut, permohonan anggapan mati boleh dibuat setelah seorang suami telah hilang dalam tempoh 4 tahun atau lebih, atau selepas dilakukan apa-apa siasatan yang wajar beserta bukti-bukti pencarian atau suatu usaha untuk menjejaki suaminya yang hilang. Hanya selepas itu, mahkamah boleh mengisytiharkan suaminya sebagai *al-mafqud* dan mengeluarkan perakuan yang didaftarkan untuk bubarkan perkahwinan bagi maksud seorang wanita itu dapat berkahwin semula atau mendapatkan hak-haknya.

Jika dilihat kepada peruntukkan di dalam enakmen kepada ketiga-tiga buah negeri tersebut, terdapatnya persamaan yang dekat atau mirip dalam hal mahkamah menentukan tempoh atau mengesahkan status al-mafqud bagi seorang suami yang hilang dalam suatu tempoh yang lama. Pengisytiharan anggapan kematian tidak dibuat sewenang-wenangnya melainkan sudah mencapai suatu tempoh yang mencukupi atau jika terdapatnya bukti-bukti yang *yaqin* yang diberikan oleh pemohon kepada pihak mahkamah.

PERBEZAAN ATAU PERSAMAAN DARI SUDUT FIQH DAN UNDANG-UNDANG

Di dalam pandangan dan perbahasan sarjana fiqh klasik setiap mazhab, dilihat perbezaan bagi penetapan tempoh yang berbeza. Sebagai contoh, mazhab Hanbali mengelaskan situasi kehilangan seorang suami mengikut situasi dan di mana keberadaan suaminya telah hilang. Asasnya, suami yang hilang masih dianggap hidup sehingga disabitkan kematian. Pendapat seterusnya, seorang isteri perlu menunggu sehingga 90 tahun, dan pendapat lain pula adalah menyerahkan kepada kadi atau mufti untuk mensabitkan dan isytiharkan anggapan mati. Begitu juga dalam situasi pemergiaan suaminya dalam situasi yang bahaya, sebahagian mazhab Hanbali mengatakan bahawa isterinya perlu menunggu empat tahun dan menjalani iddah selama 4 bulan 10 hari. Penentuan bagi tatus al-mafqud suaminya juga boleh ditentukan berdasarkan garis waktu yang akan ditentukan oleh hakim dalam perkara tersebut.

Dalam mazhab Maliki pula, tempoh kebiasaan untuk mensabitkan seorang suami itu al-mafqud adalah bersandarkan kepada athar Umar al-Khattab, iaitu seorang isteri perlu menunggu empat tahun. Dan jika suaminya hilang dalam negara bukan Islam, pensabitan anggapan mati hanya boleh dilakukan jika terdapat bukti-bukti kukuh kematian suaminya. Dan jika hilang kerana berperang dengan orang kafir, seorang isteri perlu menunggu selama satu tahun sebelum boleh memohon pengisytiharan suaminya sebagai al-mafqud dan perlu menjalani tempoh 'iddah.

Mazhab Syafii dalam qaul jadid adalah sehingga terdapatnya kepastian bahawa suaminya telah meninggal dunia tanpa menunggu tempoh empat tahun. Manakala qaul qadim pula perlu menanti tempoh selama 4 tahun dengan tempoh tambahan iddah. Bagi mazhab Hanafi juga menyatakan tempoh kehilangan umum adalah selama empat tahun tempoh menunggu. Namun kedua-dua mazhab ini juga berpendapat bahawa terserah kepada ijtihad seorang hakim dalam menentukan tempoh pengisytiharan berdasarkan bukti-bukti yang dibawa oleh pemohon atau situasi semasa kehilangan seorang suami itu.

Manakala dari sudut perundangan syariah atau Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia bagi setiap negeri-negeri memperuntukkan tempoh asas menunggu adalah selama 4 tahun atau lebih dalam menentukan dan mengisytiharkan status al-mafqud. Secara lazimnya, apabila seorang isteri atau mana-mana waris membuat permohonan anggapan kematian di mahkamah setiap negeri, hakim akan melihat kepada tempoh kehilangan seorang suami tersebut dan juga bukti-bukti segala usaha yang telah dilakukan oleh pihak pemohon dalam menjejaki keberadaan seorang individu yang sudah lama hilang tersebut.

Apabila seorang hakim, menurut ijtihadnya setelah melihat segala bukti keterangan atau saksi-saksi yang memuaskan hati mahkamah, akan mengisytiharkan seseorang itu dianggap hilang dan seterusnya dianggap sudah mati maka terbubarlah perkahwinan diantara seorang isteri yang menanti dengan seorang suami yang hilang tanpa dapat diketahui khabar berita daripadanya dalam suatu tempoh.

Perbezaan dalam menentukan garis masa al-mafqud dapat dilihat ketara dari sudut para sarjana fiqh mengkelaskan situasi kehilangan seseorang suami sebelum boleh dianggap al-mafqud dengan perundangan keluarga Islam yang umumnya menetapkan tempoh minimum menunggu adalah selama 4 tahun seterusnya lebih sebelum membuat permohonan di mahkamah. Walau bagaimanapun, persamaan dapat dilihat diantara sudut fiqh dan perundangan apabila meletakkan dan mengiktiraf ijthad hakim dalam menilai situasi berdasarkan apa-apa bukti dan keterangan yang dibawa oleh pemohon dalam mengistiyahkan status al-mafqud seseorang.

Contoh Kes-Kes Al-Mafqud Di Malaysia

Kes-kes al-mafqud adalah antara kes yang banyak berlaku di Malaysia. Baik dari sudut pengesahan anggapan mati untuk menguruskan hal-hal berkaitan perwalian atau pun perwarisan serta bagi pernikahan baru bagi isteri yang boleh dibubarkan perkahwinannya yang terdahulu dengan suaminya yang sudah sekian lama telah menghilang.

Contoh dalam kes *Atikah lwn Razali [1978] 6 JH 108* di Negeri Kelantan. Hal ini boleh dilihat dalam kes yang konsepnya sama dalam penghakiman mahkamah, iaitu sebelum berkuatkuasanya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1983. Pihak-pihak yang berkenaan berasal dari Kemboja dan telah berkahwin di Phnom Penh pada tahun 1965. Pihak suami telah ditawan oleh Komunis dalam tahun 1972 dan pihak isteri telah melarikan diri ke Siam dan kemudiannya ke Malaysia dalam tahun 1975. Semenjak pihak suami ditawan oleh Komunis, suami itu tidak dapat dikesan, dan harta kepunyaannya juga tidak ada. Keterangan pihak isteri tersebut telah disokong oleh dua orang saksi lelaki. Mahkamah mendapati bahawa suami itu termasuk dalam golongan ghaib dan meminta pihak isteri bersumpah *istizhar* (*sumpah yang bertujuan untuk memperkuat dan memperjelaskan tuntutan dan menolak sebarang tohmahan yang terkena kepada Penuntut atau Plaintiff setelah ia berjaya membuktikan tuntutannya*). Setelah isteri selesai bersumpah, pihak mahkamah membenarkan tuntutan fasakh atau pembubaran perkahwinan tersebut.

Seterusnya contoh kes di Wilayah Persekutuan yang pernah berlaku berkenaan permohonan anggapan mati dan pembubaran perkahwinan adalah kes *Habsah lwn Ahmad [1985] 6 JH 320*, pihak-pihak yang berkenaan telah berkahwin pada tahun 1979. Pihak suami telah membawa isteri itu ke Singapura di mana, menurut isteri, suaminya telah cuba memaksanya untuk menjadi pelacur di sana. Pihak isteri telah kembali kepada keluarganya pada tahun 1980.

Suaminya selama dua tahun tidak pernah cuba untuk balik ke pangkuannya. Suaminya juga tidak pernah mengirim nafkah kepadanya selama tempoh tersebut. Saman (*memberi keterangan di mahkamah*) juga tidak dapat disampaikan kepada pihak suami. Mahkamah telah memerintahkan supaya nama pihak suami diiklankan di akhbar tempatan. Selepas iklan itu disiarkan untuk suatu tempoh dan masih belum mendapat perkhabaran daripada suami pemohon, maka mahkamah telah berpuas hati bahawa suami itu ghaib atau orang yang hilang dan telah tidak meninggalkan harta dalam lingkungan 60 batu untuk menjadi nafkah isteri. Setelah pihak isteri mengangkat sumpah *istizhar* dan atas keterangan dua orang saksi, mahkamah membenarkan tuntutan pembubaran perkahwinan itu.

Antara kes lain yang berlaku adalah kes *Re Kelthom bt Mohd Amin [2012] 1 SHLR 128*. Kes ini merupakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu. Yang mana Pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk mengisytiharkan suatu anggapan kematian terhadap

suaminya, iaitu Talib bin Saari yang dipercayai telah *mafqud* dan meninggal dunia. Suami pemohon telah keluar dari rumah perkahwinan pada tahun 1972 untuk pergi bekerja di Hospital Kuala Terengganu sebagai tukang masak. Selepas dari hari tersebut, suaminya tidak pernah pulang ke rumah dan tiada apa-apa perkhabaran diterima dari suaminya atau di mana keberadaan suaminya. Pemohon pada waktu itu sedang mengandungkan anak ketiga mereka. Pada masa permohonan kes ini dibuat dan didengar, umur anak ketiga mereka tersebut telah berusia 33 tahun.

Kes ini telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada 4 Disember 2000 dan mulai didengar bermula dari 28 Januari 2004 kerana beberapa faktor penyesuaian masa antara mahkamah dengan peguam syarie pemohon. Persoalan yang timbul seperti kenapa selepas puluhan tahun barulah pemohon memohon kepada mahkamah untuk pengisytiharan anggapan kematian, penulis berpendapat bahawa pemohon mempunyai alasan peribadi yang tersendiri. Selain penulis beranggapan bahawa pemohon masih setia menanti kepulangan suami pemohon, mungkin juga pemohon kurang tahu bagaimana langkah-langkah untuk membuat permohonan anggapan kematian terhadap kehilangan suami pemohon.

Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dalam ke sini membenarkan permohonan pemohon untuk mengisytiharkan bahawa suami pemohon adalah berstatus *al-mafqud*. Seterusnya mensabitkan bahawa suami pemohon yang *mafqud* itu telah meninggal dunia. Pemohon juga telah mendatangkan para saksi dan keterangan dakwaan pemohon dikuatkan dengan syahadah saksi kedua pemohon beserta dokumentar kelahiran anak-anak diantara pemohon dan suaminya. Bagi menguatkan lagi dakwaan bukti yang dikemukakan, pemohon telah membuat semakan di Pejabat Pendaftaran Negara, Kuala Terengganu. Bahawa suami pemohon tidak pernah membuat sebarang penukaran alamat tempat tinggal dengan mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara dalam Malaysia semenjak tahun 1972 di alamat terakhir rumah mereka. Keterangan dakwaan pemohon ini telah dibuktikan melalui sebuah surat rasmi yang telah ditandatangani oleh Penolong Pengarah 2, Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu pada 28 Jun 2000.

Oleh itu, ada dua pensabitan yang dilakukan oleh Hakim mahkamah di dalam ke sini. Yang pertama, dengan mengikut pembuktian fakta yang telah dikemukakan di dalam mahkamah, dan terjawabnya semua isu dan persoalan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu mensabitkan bahawa Talib bin Saari adalah *mafqud* mulai tahun 1972 iaitu tahun kehilangannya selepas tiadanya khabar berita yang didengari daripadanya dan pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak isteri dan ahli keluarganya. Keputusan Hakim di dalam kes ini adalah mengikut pendapat mazhab Syafii, iaitu melalui ijtihad hakim selepas melihat semua bukti yang didatangkan oleh pemohon. Dan tidak mengikut tempoh lazim iaitu selama empat tahun tempoh menunggu sebelum status seseorang dijatuhkan sebagai *al-mafqud*. Yang kedua adalah, mahkamah mensabitkan bahawa suami pemohon iaitu Talib bin Saari telah meninggal dunia pada 28 Januari 2004, hari yang sama semasa perbicaraan ini telah diputuskan.

Muzakarah Majlis Fatwa Berkaitan Isu Al-Mafqud

Maka dalam pengeluaran sesuatu hukum, sesuatu fatwa dan perundangan haruslah dibuat berdasarkan kepada masalah dan kesesuaian masyarakat setempat agar ia benar-benar membawa kepada masalah dan mengangkat kemudaratannya. Dalam konteks semasa hari ini, terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh majlis fatwa dan peruntukan undang-undang Islam tempatan dan antarabangsa dalam menentukan orang *al-mafqud* sebagai telah meninggal dunia. Ini berdasarkan ijtihad pada sarjana Islam semasa.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Tragedi Terowong *Al-Muassim* dianggap sebagai mati *mafqud*. Keterangan bagi mensabitkan kematian itu ialah:

1. Telah habis usaha mencari mereka.
2. Tidak ada bukti atau sangkaan bahawa mereka masih hidup dan bersembunyi diri di mana-mana tempat di Arab Saudi atau keluar dari negara itu ke sebuah negara lain dan bersembunyi di sana; dan
3. Bahawa mereka itu bukan orang yang mencari peluang untuk melarikan diri dari negara ini.¹

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkenaan menunjukkan bahawa ada sesetengah keadaan bagi orang yang hilang, yang mana tidak perlu menunggu selama tempoh empat tahun untuk mengumumkan status *al-mafqud* atau telah dianggap mati bagi mangsa suatu tragedi.

Satu lagi isu berkaitan tragedi yang melanda Malaysia beberapa tahun yang sudah, dimana pesawat Malaysia Airlines MH370 telah hilang dari radar dan dipercayai terhempas di Lautan Hindi. Berikutan itu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 25 Mac 2014 telah membincangkan mengenai Tragedi MH370.

Muzakarah menjelaskan bahawa berdasarkan pandangan Imam Syafii (Kitab al-Umm, 2009) “*Mafqud ialah orang yang tidak didengari khabarnya, dan barangkali kemungkinan besarnya dia telah mati*”. Para ulama memperincikan bahawa *mafqud* dibahagikan kepada dua bahagian dan hukum kedua-duanya adalah berbeza. Pertama: *Mafqud* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya dianggap telah terkorban. *Mafqud* bahagian ini ialah orang yang hilang dalam suatu bencana kebinasaan. Kedua: *Mafqud* yang secara zahir dia masih hidup (Ibnu Qudamah al-Maqdisi, 620 H). Contohnya seseorang yang keluar dari rumahnya untuk berniaga atau melancong tetapi tidak kembali pulang ke rumahnya.

Oleh itu, memandangkan usaha-usaha mencari telah dijalankan dalam tempoh yang munasabah bagi *mafqud* dengan penggunaan pelbagai aset dan alat komunikasi berteknologi tinggi serta kewujudan qarinah-qarinah yang boleh diambilkira, maka Muzakarah berpendapat bahawa penumpang pesawat MH370 tersebut boleh dianggap telah terkorban. Walau bagaimanapun pengesahan atau pensabitan kematian hendaklah diputuskan oleh Mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

PANDANGAN SARJANA HUKUM KONTEMPORARI DALAM TEMPOH PENETAPAN AL-MAFQUD

Melihat kepada isu-isu al-mafqud pada masa kini, para sarjana hukum kontemporari sebahagiannya memberikan pendapat mengenai kaedah serta tempoh penetapan status al-mafqud, yang mana melihat kepada perubahan zaman dari segi kecanggihan teknologi serta kepantasan dalam menjejaki keberadaan seseorang. Selain daripada itu, sarjana hukum

¹ JAKIM. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Diakses pada 14 September 2022. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-terowong-al-muassim-arabsaudi>

kontemporari menyatakan pendapat dalam hal ini berdasarkan hadis *athar* daripada sahabat di atas. Antara pendapat itu ialah²:

Prof. Dr. Abdul Naseer Abu Basal berkata:

فأنا أرى أن القرار يكون فيه قوة لولي الأمر باختيار هذا الرأي في التفريق بالضرر حتى نرفع الضرر عن النساء، بعد استنفاد جميع وسائل التقنية المعاصرة لتبليغه، لذلك أرى أن يمنح القاضي سلطة التفريق.

Maksudnya:

"Saya berpendapat bahawa, ketetapan yang kuat adalah (kuasa) diberikan kepada pemerintah untuk memilih pendapat ini; iaitu memisahkan (perkahwinan) kerana mengelak kemudaratan dari wanita, itu dengan syarat setelah lesu dan habis teknik moden untuk mencarinya. Oleh itu, aku melihat *Qadhi* boleh diberikan kuasa memutuskan (ikatan pekahwinan)."

Dr. Abdullah al-Rukban pula menyatakan pandangan beliau:

ما ذكر من آثار عن الصحابة ومن اختلافات عن العلماء، أظنهم لو عاشوا هذا العصر لغيروا كل ما طرحوه لأن الوسائل التي جدت في وسائل الاتصال والمواصلات غيرت أموراً كثيرة، لأن ما أشار إليه عمر بن الخطاب من تحديد أربع سنوات، المراد به التأكد من كون المرأة حاملاً أو ليست بحامل، الأمر الذي لم يعد الآن واجباً، لأن الآن هناك تحاليل مخبرية تكشف عن هذا الأمر.

Maksudnya:

"Apa yang disebut berkenaan *athar* para sahabat dan perbezaan *ijtihad* para ulama, saya menggangap sekiranya mereka hidup di zaman ini pasti akan ditukar pendapat-pendapat mereka kerana melihat pengangkutan, perhubungan dan komunikasi di zaman ini pastinya banyak ketetapan akan berubah. Apa yang ditunjukkan bahawa Saidina Umar al-Khattab menetapkan empat tahun, tujuan darinya adalah untuk memastikan wanita itu benar-benar telah bersih dari benih suaminya (yang hilang), perkara ini (menunggu empat tahun) tidak lagi dianggap wajib di zaman ini kerana banyak teknik moden makmal yang boleh mengenalpasti hal ini (dengan lebih cepat)."

Dua kenyataan sarjana hukum kontemporari di atas menunjukkan bahawa *ijtihad* berkenaan dengan tempoh garis masa adalah berdasarkan kepada zaman masing-masing sementelahan lagi watak Saidina Umar ketika itu sebagai pemimpin atau pemerintah. Oleh yang demikian, jika di zaman sekarang dengan kemudahan yang begitu banyak sudah pasti mereka menukar pendapat mengikut kemunasabahan semasa. Ini kerana kelengkapan dan kecanggihan teknologi yang memungkinkan jangkauan kepada *ghalabatu al-zhan* yang perlu diambil kira.

Maka berdasarkan dalil dari hadis *athar* berkenaan *al-mafqūd* ini, dapat kita lihat jelas tentang tempoh bagi anggapan kematian. Tiada nas secara tetap yang mengkhususkan tempoh penantian seorang isteri dalam perkahwinan bagi suami yang *mafqūd*. Dapatlah dikatakan bahawa penetapan tempoh menunggu seorang isteri yang kehilangan suami adalah berdasarkan kepada *ijtihad-ijtihad* pemerintah dan juga para sarjana Islam. Perkara-perkara ini jelas menunjukkan bahawa hak dan kepentingan seorang isteri sangat dijaga dan dipelihara dalam Islam sehingga apabila cukup syaratnya, seorang isteri berhak menuntut fasakh bagi membubarkan perkahwinan apabila suaminya menghilang tanpa khabar berita.

² Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. BAYAN LINNAS SIRI KE-11: PENJELASAN HUKUM TERHADAP MANGSA MH370. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2586-bayan-linnas-siri-ke-11-penjelasan-hukum-terhadap-mangsa-mh370>

IMPLIKASI PERUBAHAN PENETAPAN TEMPOH AL-MAFQUD

Situasi di mana seorang suami hilang atau meninggalkan keluarga, maka antara pihak yang paling terkesan sekali kehidupannya adalah seseorang isteri. Ini kerana isteri adalah berada dibawah tanggungan suami. Suami adalah pelindung serta menyediakan nafkah atau keperluan isteri lazimnya. Sekiranya secara tiba-tiba suami hilang dan tidak kembali dalam suatu tempoh, apatah lagi dalam tempoh yang lama iaitu selama empat atau tujuh tahun, ini pasti akan menyukarkan seorang isteri dalam semua sudut kehidupan.

Di Malaysia ini khususnya, penulis melihat keperluan penyeragaman peruntukan undang-undang bagi penetapan minimum tempoh garis masa untuk status seseorang itu diisytiharkan sebagai *al-mafqūd* atau sebagai telah mati. Penulis berpendapat ini bukan sahaja memberi manfaat kepada seorang isteri, tetapi juga kepada seluruh badan organisasi di Malaysia.

Sebagai contoh, manfaat kepada Mahkamah Tinggi, Unit Pembahagian Pusaka Kecil di Pejabat Tanah dan Galian, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Syariah itu sendiri. Kerana sehingga tahun 2022 ini, isu harta yang dibekukan kerana tidak dituntut oleh waris atau dalam erti kata lain tidak dapat diuruskan oleh waris adalah kerana bersangkutan paut dengan prosedur peruntukan undang-undang mahkamah di Malaysia, termasuk dalam kes-kes yang berkaitan dengan harta seorang suami yang tidak dikenalpasti keberadaannya dan tidak dapat diuruskan harta peninggalannya. Sebanyak lebih 90 billion harta beku tidak dituntut sehingga kini.³

Sekiranya kerajaan Malaysia mempunyai keseragaman antara perundangan dalam menetapkan justifikasi tempoh minimum penetapan *al-mafqūd*, pastilah nasib seorang isteri atau wanita itu terbelah. Apatah lagi jika isteri yang ditinggalkan itu mempunyai anak-anak yang perlu ditanggung seorang diri. Jika perkara berkaitan anggapan kematian mengenai suaminya yang hilang ditetapkan tanpa perlu menunggu suatu tempoh yang lama, ini secara langsung memberikan hak yang sepatutnya kepada seorang isteri dan wanita.

Antara situasi contoh yang lain adalah, wanita tadi boleh berkahwin lagi dalam memenuhi fitrah sebagai seorang manusia dan tidak berada dalam situasi '*bergantung tidak bertali*' dalam menunggu kepulangan suami hilang dalam suatu tempoh yang bertahun lamanya. Seorang wanita berhak untuk berkahwin semula untuk merasa bahagia dengan mengambil kira kesetiaannya menunggu suami tetapi tidak mendapat perkhabaran dalam suatu tempoh masa yang bukan sekejap. Harta-harta suami yang hilang atau dianggap mati juga boleh dibahagikan seperti pembahagian faraid atau harta pusaka mengikut hukum syarak. Ini salah satu cara membantu kelangsungan hidup bagi waris-warisan yang ditinggalkan oleh *al-mafqūd*.

Melihat kepada institusi kehakiman pula, penulis melihat peluang untuk institusi kehakiman atau mahkamah-mahkamah di Malaysia akan lebih sistematik sekiranya penggubalan dilakukan dan mempunyai penetapan tempoh *al-mafqūd* yang sama. Selain itu, ia juga akan membantu mahkamah sama ada mahkamah syariah dan mahkamah sivil untuk tidak mempunyai lambakan kes yang tertangguh akibat daripada permohonan-permohonan yang tidak mencapai piawaian tempoh masa seperti peruntukan perundangan yang sekarang.

Justeru penulis berpendapat bahawa sekiranya pemurniaan atau penyeragaman berlaku dalam tempoh minimum penetapan *al-mafqūd* antara mahkamah syariah dan mahkamah sivil, akan

³ Utusan Malaysia. RM90b Harta Beku Tidak Dituntut. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/09/rm90b-harta-beku-tidak-dituntut/>

memberikan banyak manfaat kebaikan kepada banyak pihak di Malaysia sekaligus memudahkan urusan rakyat yang berkeperluan.

KESIMPULAN

Al-mafqud adalah suatu isu yang sangat penting dan memberi kesan dalam perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan harta. Perbincangan mendalam mengenai perbezaan atau perbincangan garis masa mengenai tempoh pengisytiharan al-mafqud masih sedikit dibincangkan di Malaysia, yang sebenarnya perbincangan mengenainya sangat perlu agar suatu hari nanti membawa kepada perubahan dalam peruntukan enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia agar lebih fleksibel dan memudahkan semua pihak, lebih-lebih pihak isteri dan waris yang ditinggalkan oleh suami yang mafqud.

RUJUKAN

- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husein, Sunan al-Kubra, Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 3, 2003
- Ahmād bin Muhāmmad al-Zarqa'. (1938). *Syārh al-Qāwā'id al-Fiqhiyyāh*. Cetakan: 2. Damsyik: Dar al-Qālm
- Alāuddin Abi Bakri bin Mas'ūd al-Kassāni al-Hanāfi. (2005). *Kitab Badā'i' al Shānai' fi Tartib al Syārā'i'*. Dār al Kūtūb al Ilmiyah: Beirut.
- AI-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Idris As-Shafi'i. (2000). *Al-Umm (Kitab Induk)*. Jilid 8. Cet.2. Kuala Lumpur: Victory Agencie. hlm. 417
- Imam Malik. (159 H). *Kitab al-Muwatta'a'*. Bab 'Iddah Al-Lati Tūfqidū Zaujaha. Dar Ihyā' Al-'Ulūm. No. Hadis 1213
- Imam Syams al-Din al-Ramli. (1932). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Dar al-Kutub al Ilmiyyah. Jil. 7. hlm 121
- Ibnu al-Humam. (1993). *Sharh Fathul Qadir Syarh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah. Jil. 6. hlm. 458
- Ibnu Qudamah. (620 H). *Al-Mughni*. Dar al-Alamiyyah. Jil. hlm. 389
- Ibn Hajar al-Haitami. (1938). *Tuhfat al-Muhtaj*. Jilid 2. hlm. 253-254
- Mūhāmmad al-Fairuzabadi. 2008. *Qāmūs al-Mūhith*. Kairo: Dār al-Hadits.
- Mūhāmmad Ṭahā Abū al-Ūla Khalifah. (2009). *Ahkām al-Māwarith Dirāsāh Tatbiqiyyah*. Dār al-Salām: Cairo
- Muhammad al-Khatib al-Syarbini. 1994. *Mughni al Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani al Fadz al Manhaj*. Dar al Kutub al Ilmiyah: Beirut. Juz 3. hlm. 38
- Mohd. Sanusi Bin Hj. Mahmood. (1984). *Undang-undang Keluarga Dalam Islam*. Hlm. 131-132.
- Mahmood Zuhi & Raihanah Azahari, (1989). *Undang-undang Keluarga Islam, Konsep & Pelaksanaannya di Malaysia*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Malik bin Anas. (1994). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Juz 2. hlmn. 30-31
- Al-Nawawi. (805H). *Raudhah al-Talibin*. Dar al-Hadith.
- Wahbah al-Zuhayli. (1985). *Al-Fiqhul Islami wa Adillatuhu*. Syria: Terbitan Darul al-Fikri.

Statut

Akta Keterangan 1950

Akta Tafsiran 1967

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984
Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004
Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017

Kes-Kes

Atikah lwn Razali [1978] 6 JH 108

Habsah lwn Ahmad [1985] 6 JH 320

Re Kelthom bt Mohd Amin [2012] 1 SHLR 128

Laman Sesawang

JAKIM. Tragedi MH370. e-Sumber Maklumat Fatwa. Diakses pada Ogos 23, 2022.
<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10317>

JAKIM. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Diakses pada 14 September 2022. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-terowong-al-muassim-arabsaudi>